

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 March 2016

REAKSI Pakatan Dr. Mahathir dan pembangkang

UM - 8/3/2016

"TINDAKAN Tun Dr. Mahathir amat melampau dan beliau tidak sepatutnya berpakat dengan pakatan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Beliau dulu yang mengajar kita ahli-ahli UMNO agar jangan berbaik-baik dengan pakatan pembangkang terutama DAP, tetapi kini beliau pula yang bertindak sebaliknya."

DATUK SHAHANIZA SHAMSUDIN
Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan UMNO

"SAYA hanya menggelengkan kepala apabila melihat tindakan Dr. Mahathir yang bersekongkol dengan pakatan pembangkang. Beliau sebenarnya telah mencalarakan status sebagai negarawan dengan drama politik yang telah dicipta. Jika beliau ingin menegur kepemimpinan negara, beliau boleh salurkan dengan cara yang betul, sekarang nampak seperti beliau gila kuasa."

PROF. DATUK DR. RAMLAH ADAM
Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan UMNO

"TUN Dr. Mahathir nampaknya lebih mementingkan kepentingan peribadi berbanding rakyat secara amnya. Deklarasi yang ditandatangani bersama pakatan pembangkang sepatutnya ditukar namanya kepada Deklarasi Mahathir kerana apa yang Dr. Mahathir lakukan hanya untuk memenuhi kehendak politik beliau sahaja."

DATUK MUSTAPA KAMAL MOHD. YUSOFF
Ketua Penerangan UMNO Wilayah Persekutuan

"TUN Dr. Mahathir kini nampaknya seperti seorang yang tidak ada prinsip. Dulu beliau pernah beritahu bahawa kita tidak boleh bersekongkol dengan DAP sebab parti tersebut merupakan ancaman kepada negara, tetapi kita beliau berpakat pula dengan DAP. Beliau sanggup ketepikan prinsip semata-mata untuk nafsu politik, saya lihat perjuangan beliau kini lebih kepada perjuangan peribadi."

DATUK ZEIN ISMA ISMAIL
Ketua Penerangan UMNO Selangor

"TUN Dr. Mahathir telah melanggar prinsip dirinya sendiri, apa yang beliau pernah katakan iaitu kepimpinan melalui teladan nampaknya tidak lagi tepat. Sebagai negarawan, beliau tidak patut bersekongkol dengan musuh politiknya, beliau kini telah menampakkan kegelojohan beliau di dalam arena politik yang dilaksanakan demi kepentingan peribadi."

DATUK SAPAWI AHMAD
Ketua Penerangan UMNO Sabah

"DEKLARASI yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir patut ditukar nama menjadi Deklarasi Orang-Orang Kecewa kerana jika kita lihat pakatan tersebut dianggotai oleh mereka yang kecewa di dalam parti. Rakyat boleh menilai sendiri keikhlasan pemimpin yang terlibat bersekongkol dengan pakatan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, mereka seperti orang yang berada dalam satu pakatan yang keliru."

WAN ABDUL HAKIM WAN MOKHTAR
Ketua Penerangan UMNO Terengganu.